

## Semua penghantar makanan wajib jalani saringan kesihatan


Diterbitkan Hari ini 4:23 pm  
Dikemaskini Hari ini 4:23 pm

Semua syarikat e-hailing perlu memastikan setiap pekerja mereka menjalani saringan kesihatan, kata Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Ismail Sabri Yaakob.

Katanya, kementerian pengangkutan akan mengeluarkan arahan kepada semua syarikat e-hailing yang beroperasi manakala bagi restoran makanan segera, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengeluarkan arahan sama.

"Mesyuarat hari ini juga telah memutuskan syarikat e-hailing perlu memastikan setiap pekerja mereka menjalani saringan kesihatan.

"Syarat-syarat yang dikenakan ini bagi memastikan keselamatan semua pihak termasuk pelanggan," katanya pada sidang media harian di Putrajaya, hari ini.



Ismail Sabri yang juga adalah menteri pertahanan turut mengumumkan lebih 40 syarikat yang menyediakan perkhidmatan e-hailing sedia ada dan penghantar makanan restoran makanan segera dibenarkan beroperasi seperti biasa sepanjang bulan Ramadan semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP).

Selain itu, katanya, pengusaha makanan di kawasan luar bandar dan bandar kecil yang menggunakan khidmat penghantaran syarikat lain ataupun individu juga boleh berbuat demikian.

Bagaimanapun, menurutnya, semua penghantar makanan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perlu menjalani saringan kesihatan di klinik esihatan kerajaan atau klinik swasta berdekatan untuk memastikan tahap kesihatan mereka.

"Syarat-syarat yang dikenakan ini adalah bagi memastikan keselamatan semua pihak termasuk pelanggan.

"Kita mahu menjaga kesihatan mereka kerana mereka akan menghantar secara terus kepada pelanggan dan sudah tentu berlaku keadaan bersemuka antara mereka dan pelanggan yang memesan makanan dan demi kepentingan mereka, kita minta mereka disaring," katanya.



Mukhriz Hazim | malaysiakini.com

Dalam pada itu, Ismail Sabri sekali lagi menegaskan pembukaan gerai atau bazar Ramadan secara berkelompok adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Mengenai bazar Ramadan, beliau berkata pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memulangkan deposit yang dibayar kepada peniaga yang terlibat.

"Saya difahamkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan (Tan Sri Annuar Musa), bagi kawasan Kuala Lumpur, DBKL akan memulangkan semua deposit melibatkan peniaga bazar Ramadan yang kita tak benarkan (beroperasi)," katanya.

<https://www.malaysiakini.com/news/521150>